

# 27

## **Penerapan Kaedah Tiering Dalam Pengajaran Pembezaan Bagi Meningkatkan Penyampaian Lisan Pelajar**

**Sekolah Menengah Boon Lay**



**Siti Nurhani Kamsani**

siti\_nurhani\_kamsani@schools.gov.sg



**Norimahlizah Ramli**

norimahlizah\_ramli@schools.gov.sg

## **Abstrak**

Pengajaran Pembezaan (DI) melahirkan suasana pembelajaran yang memerlukan guru untuk memberikan respons terhadap keperluan unik para pelajar. Dalam penyampaian lisan, keyakinan pelajar merupakan aspek penting yang menentukan pencapaian mereka. Kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan kaedah *Tiering* dalam meningkatkan keyakinan pelajar dalam penyampaian lisan. Rangkaian IRF (Mulakan-Respons-Maklum Balas) dan Menjana Soalan juga telah digunakan untuk membantu pelajar mengembangkan idea dalam persediaan penyampaian lisan. Dapatan kajian menunjukkan gabungan kaedah *Tiering* berserta dengan rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran berupaya meningkatkan keyakinan pelajar sewaktu melakukan penyampaian lisan. Secara keseluruhan, pelajar dapat melakukan penyampaian lisan yang koheren dan berkeyakinan.

**Kata Kunci:** pengajaran pembezaan, rutin berfikir, kemahiran lisan, keyakinan pelajar

## PENGENALAN

Kohort yang meraih markah cemerlang untuk peperiksaan nasional bagi subjek Bahasa Melayu secara purata mendapat gred kepujian bagi komponen lisan dan kefahaman mendengar. Berdasarkan pemerhatian ini, Unit Bahasa Melayu di sekolah mula menyertakan komponen lisan sebagai salah satu komponen yang dinilai untuk Penilaian Bertimbang (WA) demi menyuntik kesedaran akan kepentingan komponen lisan dalam pembelajaran bahasa Melayu yang menyeluruh.

Kesedaran ini penting kerana statistik kebangsaan menunjukkan bahawa masyarakat Melayu lebih cenderung berbahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di rumah. Lantaran itu, kesediaan dan keyakinan berbahasa Melayu dalam kalangan generasi muda semakin menipis dan ini dapat dilihat di dalam kelas sewaktu mereka melakukan penyampaian lisan. Kertas kajian ini merakamkan usaha yang dijalankan dalam meningkatkan keyakinan pelajar dalam Penyampaian Lisan menerusi kaedah *Tiering* dalam Pengajaran Pembezaan (DI).

Kaedah *Tiering* dalam DI membolehkan guru memperkasakan pelajar berdasarkan kesediaan mereka. Proses awal melibatkan guru mengenali profil pelajar menerusi pemantauan dan tinjauan. *Tiering* merujuk pada penggunaan bahan kurikulum yang sama untuk semua pelajar dengan membuat penyesuaian sama ada terhadap tahap kesukaran bahan, proses pengajaran mahupun produk yang dihasilkan pelajar. Pilihan pelajar merupakan aspek yang dititikberatkan pengkaji dalam kajian ini agar pelajar dapat mengamalkan *Growth Mindset* demi menjaga keyakinan diri.

Dengan memanfaatkan perisian e-Pedagogi *Google Slides*, pelajar berpeluang untuk memberi maklum balas kepada rakan dan mendapat maklum balas daripada rakan dan guru dengan segera. Sejajar dengan prinsip *Tiering*, pelajar juga diberi pilihan untuk memilih jenis produk sebagai alat membantu penyampaian lisan mereka. Justeru, hal ini meningkatkan keyakinan pelajar dan sekali gus membolehkan mereka menyiapkan isi penyampaian lisan yang lebih tepat, jelas dan berkesan.



## PERNYATAAN MASALAH

Para pelajar secara amnya menghadapi kesukaran untuk menjana idea dan menyampaikan idea mereka dengan yakin dalam bahasa Melayu. Pelajar didapati kurang mampu meluaskan isi-isi mereka apabila melakukan penyampaian.

Sesetengah pelajar juga kurang mengamalkan persiapan prapenyampaian yang memerlukan mereka menstrukturkan kandungan penyampaian mereka dengan mencatatkan isi-isi penting. Ini menyebabkan idea-idea menjadi bercelaru dan tidak tersusun serta menghambat keyakinan mereka sewaktu penyampaian. Hal ini menjejaskan prestasi pelajar sehingga mereka memperoleh markah yang kurang memuaskan dalam penilaian lisan.

Lantas, kelemahan dan sikap kurang yakin pelajar dalam melakukan penyampaian lisan dalam bahasa Melayu agak menyerlah. Berdasarkan analisis keputusan peperiksaan Bahasa Melayu Peringkat 'O' dan 'NA', MSG yang diraih lebih baik bagi kohort yang mendapat lebih banyak gred kepujian bagi komponen Lisan dan Kefahaman Mendengar. Ini menggesa pengkaji untuk meneliti semula cara pengajaran interaksi lisan yang digunakan sejauh ini.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan kaedah *Tiering* dalam penilaian alternatif bagi pengajaran lisan; dan
2. meningkatkan keyakinan pelajar melakukan penyampaian lisan dalam bahasa Melayu.

## KAJIAN LEPAS

### Kaedah *Tiering*

Richards dan Omdal (2007) menjelaskan maksud kaedah *Tiering* sebagai cara membahagikan pelajar dalam kumpulan-kumpulan berdasarkan latar belakang pengetahuan mereka dalam sesuatu subjek. Justeru, aktiviti berstruktur (*tiered*) ini digunakan untuk mengajar konsep yang sama tetapi pada tahap kesukaran yang berbeza dan peringkat persediaan yang berbeza. Iberri-Shea

(2009) pula menyatakan bahawa tugas-tugas kemahiran lisan merupakan cara yang termudah untuk mempertingkatkan pengajaran bahasa. Iberri-Shea (2009) juga menjelaskan bahawa apabila pelajar melibatkan diri dalam aktiviti penyampaian dan bahas, mereka akan lebih bermotivasi dan melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) tersebut.

Selain itu, kajian yang dilakukan Deepa (2012) membuktikan bahawa jika pelajar diberi peluang yang mencukupi untuk berlatih dalam perbualan, mereka berupaya untuk mempraktikkan pelbagai kemahiran apabila mereka melakukan persembahan, perbincangan dan membahaskan pendapat mereka. Kajian kolaboratif yang dilakukan oleh Bonilla dan Gordillo (2016) cuba untuk menentukan kesan DI dan aktiviti-aktiviti lisan yang menggunakan kaedah *tiering* dalam peningkatan prestasi pelajar untuk pembelajaran bahasa Inggeris dan manfaat-manfaatnya dalam meraih minat mereka dalam mempelajari bahasa Inggeris. Tahap kesukaran aktiviti-aktiviti ditambah berdasarkan tahap perkembangan pelajar dalam tugas-tugas lisan tersebut. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa DI dan aktiviti-aktiviti lisan yang menggunakan kaedah *tiering* berjaya untuk menunjukkan peningkatan pelajar dalam penguasaan bahasa Inggeris. Selain itu, kesedaran pelajar tentang proses pembelajaran, matlamat masa depan, komitmen dan motivasi juga berjaya untuk dibangkitkan dan dirangsang.

### Pengajaran Lisan: Rutin Berfikir dan Menjana Soalan

Aktiviti mengajar *Initiate-Response-Feedback* (IRF) atau Mulakan-Respons-Maklum Balas telah dijadikan sebagai urutan pengajaran yang penting dalam kelas bahasa. Menurut Pei Miao dan Heining-Boynton (2011), apabila guru bahasa menggunakan aktiviti mengajar IRF dan *Response to Intervention* (RTI), mereka mencipta model yang sangat berkesan untuk menilai latihan dan keupayaan lisan pelajar. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa strategi menggabungkan aktiviti mengajar IRF dengan RTI mendatangkan kesan positif dalam penyampaian pengajaran dan peningkatan dalam perbincangan serta huraian pelajar. Geekie dan Raban (1994) pula mendapati penggunaan IRF memberi pelajar peluang berinteraksi secara tulen seperti meminta penjelasan dan bertukar-tukar pendapat. Aktiviti mengajar Menjana Soalan pula seperti yang dinyatakan dalam sebuah projek kendalian Harvard, menyediakan pelajar dengan peluang untuk berlatih memikirkan soalan-soalan yang baik bagi membantu membangkitkan pemikiran dan persoalan berkaitan sesuatu topik.



## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berpandukan kaedah *Tiering* pada tiga peringkat: persediaan guru, pilihan pelajar dan pemilihan produk. Persediaan guru melibatkan pemilihan dan penyaringan topik-topik lisan yang sesuai untuk peringkat pelajar. Pelajar diberi pilihan untuk memilih antara topik-topik yang telah disaring untuk mereka berdasarkan kebolehan. Pelajar kemudian bebas untuk memilih produk sebagai bahan penyampaian.

Aktiviti mengajar rangkaian IRF (Mulakan-Respons-Maklum Balas) dan Menjana Soalan telah digunakan secara tekal dalam peringkat kedua bagi membantu pelajar mengembangkan idea dalam persediaan penyampaian lisan. Dalam bahagian ini, pelajar memuatnaikkan hasil kajian masing-masing ke portal *Google Classroom*. Guru kemudian mengaktifkan rangkaian IRF dengan memantau dan memberi maklum balas. Pada peringkat ketiga, iaitu pemilihan produk penyampaian, pelajar dapat memilih alat penyampaian visual pilihan mereka seperti *Google Slides*, *Postermyswall* dan *Glogster*.

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar Menengah 3 Normal Teknikal, Normal Akademik dan juga Ekspres yang memiliki tahap kebolehan pelbagai. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat ialah 45 orang. Kumpulan ini dipilih sebagai subjek kajian kerana mereka telah melalui proses PdP lisan yang dijalankan secara konvensional iaitu, menerusi panduan dan penilaian individu. Menerusi pengajaran konvensional, jelas terdapat kelompok pelajar yang mempunyai kebolehan berbeza. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah *Tiering* yang dipercayai dapat menambah nilai keupayaan pelajar dalam penyampaian lisan. Oleh yang demikian, kesan bagi kajian kaedah *Tiering* ini dapat dilihat dengan lebih jelas memandangkan pelajar Menengah 3 sudah melalui sekurang-kurangnya dua tahun dalam pengajaran dan pembelajaran lisan.



### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah digunakan dalam kajian ini ialah kaedah *Tiering*. Kaedah ini diaplikasikan dalam tiga peringkat yang merangkumi persiapan guru, pilihan pelajar dan pemilihan produk. Alat penilaian yang digunakan ialah perbandingan keputusan peperiksaan peringkat nasional untuk menegaskan

kepentingan komponen lisan dalam meraih MSG yang lebih baik. Borang soal selidik sebagai bahan praujian memberi maklumat penting mengenai arah tuju kajian ini. Kerjasama kesemua guru dalam Unit Bahasa Melayu juga memainkan peranan penting sebagai pemangkin kejayaan kajian ini. Ini kerana guru-guru telah berbincang dan menyaring topik-topik yang telah dibincangkan di dalam kelas serta menyusun kesesuaian topik-topik tersebut berdasarkan tahap kesukaran dan juga menyediakan rubrik yang selaras untuk digunakan bagi kajian ini. Pemerhatian guru tentang proses pemikiran pelajar juga diambil kira dalam kajian ini.

## Prosedur Kajian

### 1. Praujian: Borang Soal Selidik

Sebelum sesi pengajaran dijalankan, pelajar diarahkan untuk mengisi borang soal selidik. Melalui analisis data yang dikumpulkan, guru mendapat gambaran mengenai tahap keyakinan pelajar dalam penyampaian lisan. Dapatan ini juga membantu guru untuk mengetahui tahap kesediaan pelajar dan masalah-masalah yang dihadapi sewaktu melakukan penyampaian lisan.

### 2. Praujian: Persediaan Topik melalui *Tiering*

Sebagai langkah pertama, pengkaji berbincang tentang topik-topik lisan yang lazim digunakan dalam peperiksaan nasional. Pengkaji menyelaraskan topik-topik tersebut dan membahagikan kepada tiga tahap kesukaran dengan mengusulkan subtopik bagi setiap topik yang diketengahkan. Menerusi ruang kolaboratif Google Docs, setiap guru mempunyai akses kepada topik-topik yang telah dipersetujui dan berdasarkan profil pelajar bagi kelas masing-masing, kemudian guru mengkategorikan topik-topik tersebut kepada dua aras; aras tinggi dan aras sederhana/rendah.

### 3. Pengajaran: Taklimat dan Pemilihan Topik

Di dalam bilik darjah, guru memberi taklimat dan menyenaraikan pelajar-pelajar yang boleh memilih topik daripada salah satu kategori aras yang telah ditetapkan. Pelajar mempunyai pilihan antara topik-topik yang telah disenaraikan berdasarkan tahap keupayaan mereka dan kesukaran topik.

Jadual 1: Contohan Pemilihan Topik

PEMILIHAN TOPIK		
Nama-nama pelajar	Topik-topik pilihan	Topik pilihan pelajar
Khazindar	Industri perfileman Melayu	Dwi
Khairul	Pelancongan (global)	Khairul
Dwi	VIA (bantuan kecemasan global)	Dini
Dini	Perumahan Singapura	Khazindar
Batrisya	Jenayah siber	Thomi
Nayli	Pengangkutan awam di Singapura	Aniq
Aniq	Pencemaran alam (jenis dan kesan global)	Batrisya
Thomi	Kerjaya idaman	Nayli
Sakina	Warga emas	Sakina

Jadual 1 menunjukkan dua kumpulan pelajar HA dan MA berserta topik-topik yang telah dibezakan untuk mereka. Para pelajar yang telah dikategorikan tidak akan berasa bahawa ada pembezaan yang dilakukan kerana meskipun mereka telah dikategorikan lebih awal oleh guru, mereka tetap mempunyai pilihan topik dalam kategori masing-masing. Oleh itu, cara *Tiering* seperti ini yang memberatkan pilihan pelajar akan membuat pelajar berasa lebih yakin dalam menyampaikan isi berdasarkan topik pilihan mereka sendiri.

#### 4. Pengajaran: Aktiviti Mengajar I-R-F dan Menjana Soalan

Guru kemudian beralih kepada *Google Classroom* dan menyediakan templat isian maklumat dalam *Google Slides* bagi para pelajar memuatkan dapatan mereka daripada kajian mereka. Pelajar telah diberi rangka untuk menstrukturkan kajian mereka. Dalam templat ini, pelajar dikehendaki menjana persoalan bagi tiga aspek untuk topik yang telah disediakan guru. Tiga aspek itu ialah Masalah, Kesan dan Saranan. Ini adalah untuk memastikan pelajar menjana isi yang relevan dan substantif. Melalui aktiviti mengajar I-R-F, berpandukan guru, pelajar mulakan (*initiate*) persoalan bagi aspek topik mereka untuk diberikan respons. Pada masa yang sama, penjana soaln ini juga merangkumi rutin berfikir *Menjana soalan* yang turut dilakukan oleh pelajar. Platform *Google Slides* yang merupakan platform berunsur kolaboratif membolehkan maklum balas diberikan guru dan rakan sekelas mengenai respons pelajar dalam templat masing-masing.



**Jadual 2: Contohan Templat Kajian Pelajar**

<b>Topik</b>	Pelancongan
<b>Masalah/Keperluan</b>	Kepentingan menjadikan Singapura destinasi pelancongan unggul
<b>Video</b>	Pautan: <a href="https://www.youtube.com/watch?v=xUhjFfFMo10">https://www.youtube.com/watch?v=xUhjFfFMo10</a> Ulasan: Video ini memaparkan bagaimana Singapura ingin Sentosa dijadikan tempat pelancongan yang popular
<b>Artikel</b>	Pautan: <a href="https://www.beritaharian.sg/setempat/pelan-induk-sentosa-brani-jadikan-sapura-destinasi-pelancongan-unggul">https://www.beritaharian.sg/setempat/pelan-induk-sentosa-brani-jadikan-sapura-destinasi-pelancongan-unggul</a> <a href="https://www.beritaharian.sg/setempat/pelan-induk-sentosa-brani-dibentang">https://www.beritaharian.sg/setempat/pelan-induk-sentosa-brani-dibentang</a> Tajuk artikel: Pelan Induk Sentosa-Brani jadikan Singapura destinasi pelancongan unggul Ulasan: Artikel ini tentang Singapura mahu merobohkan Merlion dan membina bangunan yang boleh menarik pelancong.
<b>Jawapan bagi persoalan</b>	Pada pendapat saya, penting untuk menjadikan Singapura destinasi pelancongan unggul kerana tanpa pelancong, Singapura tidak akan menjadi popular. Pelancongan memainkan peranan penting dalam memperkukuh status Singapura sebagai kota global yang bersemangat sambil menjadi daya tarikan modal perniagaan dan bakat.

Jadual 2 menunjukkan hasil kerja pelajar di peringkat prapenyampaian. Kajian yang mereka lakukan mengikut rutin berfikir Menjana Idea membantu pelajar mendalami topik dan mencari tahu masalah atau kepentingan topik tersebut diikuti dengan persoalan yang perlu mereka fikirkan. Oleh itu, jawapan pelajar menjadi lebih matang, bernas dan mendalam.

## 5. Penciptaan Produk

Para pelajar diberi kebebasan untuk menggunakan bahan penyampaian visual tersendiri berdasarkan kesediaan dan kesesuaian masing-masing. Pemberatan juga diberikan pada bahagian ini agar pelajar boleh menggunakan kreativiti untuk memaparkan isi-isi penting bagi membantu penyampaian lisan mereka. Antara perisian yang digunakan pelajar termasuk Slaid *PowerPoint*, *Glogster* dan *PosterMyWall*.

## 6. Penilaian dan Penyampaian

Bagi menilai penyampaian pelajar, rubrik komprehensif merangkumi tiga aspek telah disusun dan diguna pakai oleh semua guru yang terlibat. Matlamat penilaian ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk memaksimumkan potensi mereka dalam projek penyampaian lisan ini sekaligus memberi keyakinan pada diri mereka.



Rubrik penilaian dibahagikan kepada tiga kriteria, iaitu:

- A. Isi dan Kreativiti (40m)** - bagi menilai produk dan pemilihan isi yang dipaparkan
- B. Bahasa dan Penyampaian (40m)** - bagi menilai kelancaran dan kejelasan sewaktu penyampaian
- C. Keyakinan Soal-Jawab (20m)** - bagi menilai keyakinan pelajar menjawab soalan bonus berdasarkan topik pada akhir penyampaian

## 7. Pascaujian: Borang Soal Selidik

Pada akhir sesi pengajaran, pelajar melengkapkan borang lapor balik yang disediakan. Aktiviti pascaujian ini berbentuk borang refleksi yang dihasilkan menggunakan Google Forms dan bertujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai pandangan pelajar tentang keberkesanan *Tiering* dalam memberi pilihan kepada pelajar dan juga menggunakan aktiviti mengajar I-R-F dan Menjana Soalan dalam mendapatkan isi-isi yang substantif. Pelajar juga memberi maklum balas mereka tentang cara penilaian tiga kriteria dalam meningkatkan keyakinan mereka untuk melakukan penyampaian lisan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 1. Praujian Menggunakan Borang Soal Selidik

Dapatan daripada pengumpulan respons melalui borang soal selidik menunjukkan kebanyakan pelajar tidak begitu yakin dalam penyampaian lisan. 57% pelajar yang menyuarakan rasa kurang yakin dalam menyampaikan idea mereka, berbanding 43% yang mengatakan bahawa mereka memerlukan bantuan untuk mendapatkan isi perbualan. Justeru, maklum balas ini membantu dalam menyediakan bahan ujian dan PdP yang menepati keperluan pelajar.

Rajah 1: Soal Selidik Praujian



Pengkaji juga menerima maklumat kuantitatif daripada pelajar yang mencatatkan bahawa kaedah yang telah dipelajari dalam pengajaran lisan termasuk PEEL dan juga SAMMBoB untuk menyusun isi-isi penyampaian. Kaedah yang pernah dilalui pelajar juga adalah merakamkan penyampaian audio, penilaian rakan dan penilaian guru secara satu persatu. Meskipun kaedah ini telah mereka lalui, sebilangan besar juga merasakan bahawa mereka masih kurang yakin apabila melakukan penyampaian seperti yang tertera di Rajah 1.


## 2. Pascaujian: Menggunakan Borang Soal Selidik

Para pelajar memberikan maklum balas yang positif terhadap proses yang dijalankan melalui projek penyampaian lisan ini. *Tiering* yang melibatkan penyaringan topik-topik yang sesuai untuk kumpulan-kumpulan pelajar dan memberi pilihan di mana mereka boleh memilih topik yang mereka minati dan yakin untuk disampaikan, serta mendapat respons yang positif seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 2.

**Rajah 2: Soal Selidik Pascaujian**



**Rajah 3: Soal Selidik Pascaujian**



Penilaian yang lebih komprehensif dan memberi peluang untuk pelajar menunjukkan kreativiti mereka melalui ciptaan poster turut mendapat respons yang memberangsangkan. Pelajar juga menunjukkan maklum balas yang positif terhadap aktiviti mengajar I-R-F dan Menjana Soalan (Masalah, Kesan, Saranan) yang membantu menjadikan kajian mereka lebih terpandu. Dalam Rajah 3, kita lihat 83% daripada responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa kaedah ini membantu mereka.

**Rajah 4: Soal Selidik Pascaujian**



Dalam mengasah keyakinan pelajar dalam melakukan penyampaian lisan, secara purata, pelajar memberi maklum balas yang positif. Pelajar diminta untuk memberi maklum balas mengenai penilaian menyeluruh bagi projek penyampaian lisan ini. 69% daripada responden bersetuju bahawa kaedah penilaian begini membolehkan mereka meraih markah lebih baik, justeru meningkatkan keyakinan mereka ketika melakukan penyampaian. Namun, sebilangan pelajar (31%) tidak bersetuju dengan hal ini. Apabila diselidiki, pelajar-pelajar tersebut merupakan pelajar yang lemah dan sering ketinggalan dalam kajian mereka.

**Rajah 5: Soal Selidik Pascaujian**



Secara am, pelajar juga diminta untuk menilai keberkesanan projek ini dalam membina keyakinan dalam persediaan bagi peperiksaan lisan. Respons positif diberikan pelajar. 30% daripada mereka sangat bersetuju dan 48% pula bersetuju. Ini menunjukkan bahawa pelajar menghargai projek seperti ini sebagai langkah persiapan untuk menduduki peperiksaan lisan kerana merangkumi pelbagai aspek, bukan sahaja dari segi penyampaian semata-mata tetapi pemberatan juga diberi untuk kreativiti dalam mencipta produk.


## CADANGAN DAN USAHA LANJUTAN

Menerusi perbincangan dapatan kajian, saranan-saranan berikut diketengahkan untuk meningkatkan keberkesanan penilaian kajian pengajaran yang dijalankan.

Guru perlu lebih prihatin dan peka dalam membezakan jumlah struktur atau *scaffolding* kepada pelajar yang berbeza tahap kesediaan mereka serta tahap pelajar melakukan kerja secara sendiri yang yang diberikan dalam melakukan kajian masing-masing. Ini kerana maklum balas guru yang menjalankan aktiviti ini mendapati bahawa walaupun *Tiering* sudah diberikan, masih ada pelajar yang tidak dapat membuat persediaan awal yang baik sehingga menjejaskan prestasi penyampaian mereka semasa dinilai. Pelajar-pelajar ini memerlukan pemantauan dan bimbingan yang lebih kerap dan/atau memerlukan kemahiran ICT dalam mencari dan menyaring maklumat yang betul dan tepat.

Tinjauan yang lebih menyeluruh perlu dijalankan untuk mengetahui dan mendalami profil pelajar khususnya dari sudut minat, kecenderungan serta profil pembelajaran pelajar. Untuk memperbaiki aktiviti *Tiering* pula, pengkaji akan cuba membahagikan aktiviti-aktiviti yang diberikan kepada *Tier 1*, *Tier 2* dan *Tier 3* agar setiap pelajar dapat merasakan kejayaan tanpa menjejaskan pemahaman yang perlu dicapai, tahap cabaran bagi pelajar menyelesaikan tugas yang diberikan dan keseronokan serta daya tarikan aktiviti tersebut.

Selain daripada aktiviti mengajar rangkaian IRF yang digunakan, pengkaji juga berharap dapat menggunakan aktiviti mengajar *Gradual Release of Responsibility* (GRR) agar pelajar yang berbeza-beza tahap kesediaannya benar-benar faham, dapat mengikuti dan mencontohi tugas yang diberikan dan yang bakal disiapkan. Ini juga dapat membantu meningkatkan keyakinan



diri pelajar kerana telah melalui proses yang sama di dalam kelas bersama guru, rakan sedarjah dan secara sendiri.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan bahawa kaedah *Tiering* berserta aktiviti mengajar I-R-F dan Menjana Soalan membantu pelajar menyusun isi-isi kajian mereka dengan terpandu dan berkesan secara sendiri dan disebabkan itu, mereka lebih berkeyakinan dalam melakukan penyampaian lisan. Pilhan pelajar juga merupakan unsur penting dalam kajian ini kerana ia jelas memberi pelajar ruang untuk memaksimumkan potensi mereka berdasarkan kebolehan masing-masing.

Kolaborasi guru dalam penyediaan topik-topik yang relevan dan dikenal pasti tahap kesukarannya serta penyusunan rubrik yang merangkumi tiga kriteria tidak kurang pentingnya dalam kajian ini. Persediaan awal guru memainkan peranan dalam membentuk proses PdP yang berasaskan pembelajaran sendiri di samping memberi kebebasan kepada pelajar memilih, justeru meningkatkan keyakinan mereka. Ini dapat dilihat daripada maklum balas pelajar yang menyatakan bahawa Projek Lisan ini menarik kerana mereka dapat merumuskan idea mereka dalam bentuk Glogster dan poster. Bagi pelajar, hal ini merupakan satu keghairahan untuk berkongsi dapatan mereka sambil menunjukkan produk yang mereka hasilkan.


Matlamat utama yang ingin dicapai melalui *Tiering* dan penggunaan rutin-rutin berfikir adalah untuk menjadikannya satu kebiasaan dalam diri pelajar agar dapat diaplikasikan dalam pelbagai konteks. Sejarar dengan pencapaian kemahiran abad ke-21, kemahiran berfikir dengan mendalam serta pembelajaran sendiri adalah antara kemahiran-kemahiran yang wajar dipupuk dalam diri setiap pelajar.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Nor Faatihah Haron

## RUJUKAN

Bonilla, M.S., & Gordillo, W.J. (2016). Differentiated instruction and oral-tiered activities to impact A1 students' English level in a multilevel classroom.

- 
- Campuzano, J. M. (2018). Initiation-Response-Feedback in Content Language Integrated Learning. *Universidad y Sociedad*, 10(4), 149-153. Retrieved from <http://rus.ucf.edu.cu/index.php/rus>
- Deepa, S. (2012). Task-based oral communication teaching. *English for Specific Purposes World*. 12(35).
- Harvard Graduate School of Education. Questions Starts. Project Zero. (2016). Retrieve from [http://www.pz.harvard.edu/sites/default/files/Question%20Starts\\_0.pdf](http://www.pz.harvard.edu/sites/default/files/Question%20Starts_0.pdf)
- Iberri-Shea, G. (2009). Using public speaking tasks in English language teaching. *English Teaching Forum*, 47(2), 18-36. Retrieved from <http://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ923450.pdf>
- Pei Miao,Audrey L. Heining-Boynton. (2011). Initiation/Response/Follow-Up, and Response to Intervention: Combining Two Models to Improve Teacher and Student Performance. Retrieve from <https://doi.org/10.1111/j.1944-9720.2010.01116.x>
- Richards, M. R. E., & Omdal, S. N. (2007). Effects of tiered instruction on academic performance in a secondary science course. *Journal of Advanced Academics*, 18(3), 424- 453